

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

9. Susulan tangkapan pemalsuan MyKad di Pulau Pinang, apakah tindakan kerajaan bagi membanteras pelancong yang tinggal melebihi tempoh?
 - (a) Berapa ramai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap mengikut negara?
 - (b) Berapakah kos yang ditanggung kerajaan untuk makan dan lain-lain serta kos menghantar PATI pulang dari tahun 2015 hingga 2019?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

9. Jabatan Imigresen Malaysia Pulau Pinang(JIM) memandang serius tentang kemasukan pelancong asing yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan. Melalui siri-siri operasi yang dijalankan dalam tempoh 5 tahun ini, bermula tahun 2015 – Februari 2020, JIM Pulau Pinang merekodkan sebanyak 14,082 tangkapan PATI dan seramai 1,105 PATI melakukan kesalahan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan dan mereka ini adalah PATI yang masuk melalui Pas Lawatan Sosial yang bertujuan untuk melancong.
 - (a) Penangkapan seramai 14,082 PATI yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen, Akta Pasport dan Peraturan Imigresen ini terdiri daripada, 3,839 Bangladesh, 2,926 Indonesia, 2,723 Myanmar, 1,777 Thailand, 541 Vietnam, 636 India, 679 Nepal, 502 Pakistan, 73 Laos, 224 People Republic Of China (PRC), 162 lain-lain warganegara.

- (b) Kos yang ditanggung oleh kerajaan bagi penyediaan makanan pati dan juga statistik pengusiran pati dari tahun 2015 hingga 2020 adalah seperti **LAMPIRAN A**.

JUMLAH PENGUSIRAN TAHANAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2020

TAHUN	2015	2016	2017	2018	2019	2020
JANUARI	135	169	207	206	346	261
FEBRUARI	132	237	274	131	201	446
MAC	107	230	221	211	314	0
APRIL	175	366	252	220	417	0
MEI	126	236	373	320	339	0
JUN	197	351	178	210	198	0
JULY	240	207	233	193	275	0
OGOS	193	189	320	327	384	0
SEPTEMBER	216	270	190	188	221	0
OKTOBER	198	169	0	319	273	0
NOVEMBER	174	418	0	258	244	0
DISEMBER	313	169	0	189	218	0
JUMLAH	2206	3011	2248	2772	3430	707

SEGALA KOS PENGHANTARAN PULANG TAHANAN DITANGGUNG OLEH TAHANAN SENDIRI TIDAK DITANGGUNG OLEH PIHAK DEPOT

JUMLAH KOS MAKAN PATI DEPOT IMIGRESEN JURU BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2020

BULAN	TAHUN 2015 (RM6.20)SEHARI	TAHUN 2016 (RM6.20)SEHARI	TAHUN 2017 (RM6.20)SEHARI	TAHUN 2018 (RM6.20)SEHARI	TAHUN 2019 (RM9.70) SEHARI	TAHUN 2020 (RM9.70) SEHARI
JANUARI	RM71,901.00	RM107,911.80	RM95,792.73	RM76,968.93	RM167,484.85	RM172,543.65
FEBRUARI	RM66,240.20	RM110,533.30	RM102,612.34	RM73,664.81	RM171,366.38	RM158,826.64
MAC	RM71,132.80	RM129,662.38	RM109,248.15	RM87,495.26	RM182,987.91	0
APRIL	RM81,099.40	RM129,176.69	RM107,875.24	RM84,293.11	RM165,122.72	0
MEI	RM79,324.20	RM121,384.41	RM94,809.89	RM70,435.62	RM152,608.94	0
JUN	RM104,104.70	RM99,869.00	RM86,420.10	RM72,220.02	RM154,696.56	0
JULY	RM90,069	RM102,477.40	RM104,552.04	RM113,362.86	RM184,741.25	0
OGOS	RM95,515.70	RM113,037.34	RM108,294.37	RM81,653.70	RM178,152.93	0
SEPTEMBER	RM98,288.60	RM107,657.09	RM104,842.90	RM85,317.20	RM148,494.39	0
OKTOBER	RM111,367.20	RM117,003.02	RM106,225.35	RM90,858.00	RM157,453.35	0
NOVEMBER	RM108,602.20	RM97,332.27	RM102,999.24	RM86,163.00	RM155,403.30	0
DISEMBER	RM123,396.30	RM91,046.47	RM96,005.57	RM96,760.50	RM147,111.65	0
JUMLAH KESELURUHAN	RM1,101,041.30	RM1,327,091.17	RM1,219,677.92	RM1,019,193.01	RM1,965,624.23	RM331,370.29